

# CERAMAH KESELAMATAN JALAN RAYA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4434-ceramah-keselamatan-jalan-ray](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4434-ceramah-keselamatan-jalan-ray)

INSPRA, 25 Jan 19 - Sel Keselamatan INSPRA telah melaksanakan Ceramah Keselamatan Jalan Raya yang telah disampaikan oleh penceramah dari pada Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Pahang. Ceramah tersebut merupakan salah satu program keselamatan yang telah dirancang bagi tahun 2019 dan bertujuan untuk memberi kesedaran berkenaan keselamatan jalan raya kepada seluruh warga INSPRA terutama sekali menjelang cuti Tahun Baru Cina tidak lama lagi. Ceramah tersebut telah dihadiri pegawai, anggota serta peserta-peserta kursus di INSPRA.

Selain daripada ceramah, dalam program tersebut juga telah diadakan kaji selidik keselamatan jalan raya oleh pihak JKJR serta demo ketahanan topi keledar. Pihak Sel Keselamatan INSPRA serta JKJR Negeri Pahang juga telah menyatakan kesudian untuk bekerjasama lagi dalam program-program keselamatan yang akan datang.

